

**KAJIAN SENI BERBARI
DI TERENGGANU DAN KELANTAN**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Oleh

MARDIANA BINTI ISMAIL

**Tesis Yang Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan Bagi
Ijazah Sarjana Sastera (Drama dan Teater)**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

MAC 2014

KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--|------------|
| PENGHARGAAN | ii |
| KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | vi |
| SENARAI RAJAH | viii |
| SENARAI PLAT | ix |
| ABSTRAK | xi |
| ABSTRACT | xiii |
| | |
| BAB 1 - PENGENALAN | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Skop Kajian | 9 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 15 |
| 1.4 Hipotesis Kajian | 17 |
| 1.5 Objektif Kajian | 17 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 18 |
| 1.7 Kajian lepas | 20 |
| 1.8 Kajian Gelintiran Kesusasteraan | 26 |
| 1.8.1 Penglipularaan | 27 |
| 1.8.2 Seni Bercerita | 33 |
| 1.9 Metodologi Kajian | 55 |
| 1.9.1 Kajian Perpustakaan | 56 |
| 1.9.2 Kajian Lapangan | 57 |
| 1.9.3 Penafsiran/Analisis | 57 |
| 1.10 Definisi, Konsep dan Kerangka Teori | 58 |
| 1.11 Kesimpulan | 66 |

BAB 2 - LATAR BELAKANG SENI BERBARI DI TERENGGANU DAN KELANTAN

| | | |
|---------|--|-----|
| 2.1 | Pengenalan | 68 |
| 2.2 | Sejarah dan Perkembangan Seni Berbari | 70 |
| 2.3 | Penggiat Seni Berbari | 83 |
| 2.3.1 | Derahim bin Jusoh: Tok Bari dari Kuala Besut | 85 |
| 2.3.1.1 | Derahim bin Jusoh sebagai Tok Bari | 92 |
| 2.3.1.2 | Derahim bin Jusoh sebagai Tok Teri | 96 |
| 2.3.1.3 | Derahim bin Jusoh sebagai Tok Bageh | 98 |
| 2.3.1.4 | Derahim bin Jusoh sebagai Bomoh | 100 |
| 2.3.2 | Che Moh Umat: Tok Bari dari Kuala Krai | 101 |
| 2.3.2.1 | Che Moh Umat sebagai Tok Bari | 107 |
| 2.3.2.2 | Che Moh Umat sebagai Muk Peh | 108 |
| 2.3.2.3 | Che Moh Umat sebagai Pesilat | 110 |
| 2.4 | Kesimpulan | 111 |

BAB 3 – CIRI-CIRI SENI BERBARI DI TERENGGANU DAN KELANTAN

| | | |
|-------|-----------------------------|-----|
| 3.1 | Pengenalan | 114 |
| 3.2 | Ruang dan Masa Persembahan | 127 |
| 3.3 | Tema/Idea/Pemikiran | 134 |
| 3.4 | Plot/Aksi | 136 |
| 3.5 | Watak | 138 |
| 3.6 | Bahasa/Diksi | 142 |
| 3.7 | Muzik/Melodi/Bunyi | 147 |
| 3.8 | Aspek Kekaguman | 152 |
| 3.8.1 | Tok Bari sebagai shaman | 159 |
| 3.8.2 | Tok Bari sebagai aktor | 167 |
| 3.8.3 | Mantera di dalam Seni | 174 |
| 3.8.4 | Kostum dan Set Seni Berbari | 181 |
| 3.9 | Kesimpulan | 183 |

BAB 4 - STRUKTUR DI DALAM SENI BERBARI

| | | |
|-----|----------------|-----|
| 4.1 | Pengenalan | 188 |
| 4.2 | Tahap Berguru | 189 |
| 4.3 | Tahap Berlimau | 195 |
| 4.4 | Tahap Berbari | 198 |
| 4.5 | Kesimpulan | 206 |

BAB 5 - FUNGSI DI DALAM SENI BERBARI

| | | |
|-----|---------------------------------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 210 |
| 5.2 | Seni Berbari sebagai asas <i>mene</i> | 214 |
| 5.3 | Seni Berbari sebagai perubatan | 215 |
| 5.4 | Seni Berbari sebagai wadah hiburan | 219 |
| 5.4 | Kesimpulan | 223 |

BAB 6 – KESIMPULAN

| | | |
|-----|------------|-----|
| 6.1 | Pengenalan | 224 |
| 6.2 | Cadangan | 227 |
| 6.3 | Rumusan | 232 |


| | |
|--------------------|-----|
| BIBLIOGRAFI | 239 |
|--------------------|-----|

LAMPIRAN

| | |
|------------|------------------------------|
| Lampiran A | Himpunan Cerita Seni Berbari |
|------------|------------------------------|

| | | |
|-------------|--|-----|
| Jadual 1.1 | Senarai Penglipularaan di Semenanjung Malaysia. | 32 |
| Jadual 1.2 | Senarai Seni Bercerita Sedunia | 39 |
| Jadual 3.1 | Temubual dengan Responden | 116 |
| Jadual 3.2 | Himpunan Cerita Seni Berbari | 118 |
| Jadual 3.3 | Tema,idea dan Pemikiran di dalam himpunan cerita Seni Berbari | 135 |
| Jadual 3.4 | Penjenisan plot dan bentuk plot terhadap cerita- cerita untuk persembahan Seni Berbari | 137 |
| Jadual 3.5 | Identifikasi serta kategori watak dan perwatakkan untuk persembahan Seni Berbari | 139 |
| Jadual 3.6 | Perbezaan sebutan diantara Dialek Kelantan dan Bahasa Melayu | 144 |
| Jadual 3.7 | Penerapan prinsip teater di dalam kajian Seni Berbari | 163 |
| Jadual 3.8 | Mantera dan Terjemahan | 179 |
| Jadual 3.9 | Mantera dan Terjemahan | 179 |
| Jadual 3.10 | Mantera dan Terjemahan | 179 |
| Jadual 3.11 | Mantera dan Terjemahan | 180 |
| Jadual 3.12 | Penerapan prinsip teater di dalam kajian persembahan Seni Berbari | 183 |
| Jadual 3.13 | Fasa Pra-liminal terhadap Tok Bari | 186 |
| Jadual 3.14 | Fasa Liminal terhadap Tok Bari | 186 |
| Jadual 3.15 | Fasa Pasca-liminal terhadap Tok Bari | 187 |

| | | |
|------------|---|-----|
| Jadual 4.1 | Struktur Seni Berbari | 208 |
| Jadual 4.2 | Tahap Berguru | 208 |
| Jadual 4.3 | Tahap Berlimau | 209 |
| Jadual 4.4 | Tahap Berguru | 209 |
| Jadual 5.1 | Status Tok Bari sebagai perantara biasa | 212 |
| Jadual 5.2 | Status Tok Bari sebagai perantara piramid | 213 |



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS **SENARAI RAJAH** UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Muka Surat

| | | |
|-----------|---|-----|
| Rajah 1.1 | Peta kedudukan Besut, Terengganu. | 4 |
| Rajah 1.2 | Peta kedudukan Kuala Krai, Kelantan. | 4 |
| Rajah 1.3 | Peta kedudukan sempadan Kuala Besut dan Pulau Perhentian | 7 |
| Rajah 1.4 | Peta sempadan Negeri Kelantan dan Terengganu. | 13 |
| Rajah 2.1 | Susur galur pemerintah Negeri Kelantan Darul Naim | 73 |
| Rajah 2.2 | Rekabentuk Model Konsep Seni Berbari | 80 |
| Rajah 3.1 | Posisi kedudukan Tok Bari sewaktu Berbari dalam upacara ritual. | 133 |
| Rajah 3.2 | Posisi kedudukan Tok Bari sewaktu Berbari dalam bentuk hiburan | 133 |
| Rajah 3.3 | Menjelaskan persamaan dan perbezaan di antara Tok Bari dan aktor | 172 |
| Rajah 3.4 | Menjelaskan persamaan dan perbezaan pengucapan Tok Bari dan aktor | 173 |

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

SENARAI PLAT

Muka Surat

| | | |
|-------------|---|-----|
| Foto 1.1 | Penonton Seni Berbari yang di rakamkan pada 16 November 2009 di Kampung Gong Manok. | 12 |
| Foto 2.1 a | Temubual kali pertama bersama responden 1 | 86 |
| Foto 2.1 b | Temubual kali kedua bersama responden 1 | 86 |
| Foto 2.2 | Pengenalan diri responden 1 | 87 |
| Foto 2.3 a | Informan 1 | 89 |
| Foto 2.3 b | Informan 2 | 89 |
| Foto 2.4 | Gong pusaka milik responden 1 | 90 |
| Foto 2.5 a | Mek Wok binti Saad (isteri responden 1) | 91 |
| Foto 2.5 b | Responden 1 bersama isterinya | 91 |
| Foto 2.6 | Kumpulan muzik tradisional yang mengiringi persembahan Seni Berbari | 93 |
| Foto 2.7 | Pemuzik pelapis | 94 |
| Foto 2.8 | Ahli muzik tradisional (pergendangangan) | 94 |
| Foto 2.9 | Ahli muzik tradisional (pemain gong) | 95 |
| Foto 2.10 | Ahli muzik tradisional (pemain rebab) | 95 |
| Foto 2.11 | Ahli muzik tradisional (pemain serunai) | 96 |
| Foto 2.12 a | Responden 2 | 102 |
| Foto 2.12 b | Suami dan cicit responden 2 | 102 |
| Foto 2.13 | Ruang dapur rumah che moh | 105 |
| Foto 2.14 | Ruang asal dan pentas untuk persembahan teater tradisional | 106 |
| Foto 2.15 | Ruangan memasak. | 106 |
| Foto 2.16 | Ruang dapur kayu milik Che Moh. | 106 |

| | | |
|------------|---|-----|
| Foto 3.1 | Anjung Rumah Che Moh | 128 |
| Foto 3.2 | Beranda Rumah Pak Da Hem | 128 |
| Foto 3.3 | Ruang tamu rumah Che Moh | 129 |
| Foto 3.4 | Ruang tamu rumah Pak Da Hem | 129 |
| Foto 3.5 a | Kawasan persembahan Seni Berbari | 130 |
| Foto 3.5 b | Persiapan tempat persembahan Seni Berbari | 130 |
| Foto 3.5 c | Tempat persembahan Seni Berbari | 130 |
| Foto 3.6 | Bangsas @ Wakaf yang di temui sekitar perkampungan La Loh | 131 |
| Foto 3.7 | Bangsas @ Wakaf yang di temui sekitar perkampungan Gong Manok | 131 |
| Foto 3.8 | Tok Bari-Pak Da Hem memakai pakaian khas | 182 |

KAJIAN SENI BERBARI DI TERENGGANU DAN KELANTAN

ABSTRAK

Seni Berbari merupakan seni persembahan teater tradisional berbentuk tradisi lisan. Objektif kajian ini adalah untuk memperkenalkan elemen-elemen yang membentuk Seni Berbari seperti ruang dan masa persembahan, koleksi cerita, tema penceritaan, plot dan aksi, watak, penggunaan bahasa, kehadiran melodi, bunyi dan juga muziknya. Selain itu juga memperkenalkan aspek-aspek kekaguman yang terkandung di dalam Seni Berbari seperti Tok Bari yang dilabel sebagai personaliti istimewa, penggunaan mantera yang berkaitan dengan unsur-unsur shaman dan shamanisme, kostum, set dan prop juga di bincangkan dalam kajian ini. Kesemua elemen-elemen ini di kupas menggunakan pendekatan Teori Dramatik dan pendekatan Teori Ritual. Hasilnya kajian ini berjaya mendedahkan struktur dan fungsi Seni Berbari sebagai satu persembahan tradisional yang berbentuk tradisi lisan. Melalui pendedahan mengenai struktur dan fungsi ini, pengkaji berhasrat memperlihatkan perspektif lain Seni Berbari melalui pentafsiran elemen-elemen kekaguman. Elemen-elemen kekaguman yang terkandung di dalam Seni Berbari ini menjadikan ia sebagai sebuah kesenian tradisional yang istimewa dan unik. Malah keistimewaan Seni Berbari ini dapat di lihat pada komponen-komponen "*aspek ritual*" yang turut ada dalam stuktur pengajian dan persembahannya. Keunikannya pula terbukti dengan fungsi dan juga tujuan ia di persembahkan kerana (i) ada ketikanya Seni Berbari ini boleh di lakukan atau di persembahkan secara berasingan tanpa melibatkan apa-apa persembahan sampingan, (ii) ada ketikanya kesenian ini boleh di lakukan atau di persembahkan bersama acara/aktiviti/persembahan yang mempunyai kaitan dengan perubatan tradisional seperti Main



Teri, Bageh, Muk Peh dan sebagainya dan (iii) ia juga boleh menjadi satu aktiviti peralihan atau

penurunan ilmu daripada Adi Guru (Dalang Tua) terhadap muridnya (Dalang Muda) atau menjadi satu latihan bagi pemain-pemain teater Tradisional seperti Mak Yong atau Menora untuk berlatih memahami penceritaan. Jelas di sini Seni Berbari ini merupakan satu kesenian yang penting dalam perkembangan budaya masyarakat pantai timur. Kajian ini merupakan satu kajian lapangan di Kampung Gong Manok, Besut, Terengganu dan di Kampung La Loh, Kuala Krai, Kelantan. Seni Berbari ini menjadi satu kesenian yang penting dalam perkembangan budaya masyarakat pantai timur terutamanya dalam bidang kesenian, kerana setelah meneliti keseluruhan aktiviti dan kegiatan Seni Berbari maka jelas di dapati kesenian ini menjadi “asas” terhadap penguasaan setiap aktiviti, upacara atau persembahan Main Teri, Bageh, Mak Yong, Menora dan juga Wayang Kulit.



STUDY OF THE BERBARI IN TERENGGANU AND KELANTAN

ABSTRACT

The Art of Berbari a traditional theater art form of oral tradition. The objective of this study was to introduce elements that make up the The Art of Berbari such as space and time show, a collection of stories , storytelling theme , plot and action , the characters, the language , the presence of melody , sound and music. In addition also introduces aspects admiration contained in The Art of Berbari like Tok Bari labeled as special personality, the use of mantras associated with the elements of shamans and shamanism, costumes, sets and props also discussed in this study . All of these elements in the peel using Dramatic Theory and Ritual Theory . As a result of this study successfully revealed the structure and function of art as a traditional presentation Berbari shaped oral tradition. Through exposure on the structure and function , the researchers intend to show another perspective through the interpretation of The Art of Berbari elements admiration. Admiration elements contained in The Art of Berbari make it as a traditional art that is special and unique . Even this privilege Berbari art can be seen in the components "of ritual" is also available in the structure of education and performance. The unic of it was proven to function well it is presented for the purpose of (i) There was a time when The Art of Berbari this can be done or is presented separately without incurring any side presentation, (ii) there are times when this can be done arts or was presented with events / activities / performances that have to do with traditional medicine such as Main Teri , Bageh , Muk Peh , etc. and (iii) it can also be a transition activity or decreased knowledge of Adi Guru

(Dalang Seniors) for students (Dalang 's degree) or a of training for players such as Mak Yong

theater Traditional or Menora to practice understanding of storytelling . Obviously here The Art of Berbari is an art that is important in the development of the east coast culture . This study is a field study in Kampung Gong Manok , Besut , Terengganu and in the village of La Loh , Kuala Krai , Kelantan . The Art of Berbari becomes a vital arts community cultural development of the east coast , particularly in the arts , because after examining all the activities and events of The Art of then obviously found this art to be "fundamental" to control all activities , ceremonies or performances Main Teri , Bageh Mak Yong , Wayang Kulit and Menora .



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kebelakangan ini penyelidikan sering menjurus dan cenderung menggunakan pelbagai pendekatan atau teori. Umpamanya penyelidikan ke atas sesebuah seni persembahan tidak lagi terhad kepada penyelidikan yang menggunakan Pendekatan atau Teori Seni Persembahan¹ sahaja walaupun kebanyakan sarjana menyarankannya. Terbukti terdapat hasil kajian yang melibatkan Pendekatan atau Teori-teori seperti daripada aspek Antropologi, Sosiologi,

¹ Richard Shechner, *Performance Theory*

Psikologi, Keagamaan, Ekonomi dan sebagainya terhadap Seni Persembahan².


Maka wajar jika di kemukakan pada kajian ini bahawa tiada halangan untuk menjalankan penyelidikan dengan pendekatan atau teori yang berlainan dari bidang kajian. Syaratnya, aspek-aspek penyelidikan berkenaan wajar dan logik pentafsirannya serta di kupas dengan tepat dan sesuai. Justeru itu menerusi saranan pada perenggan di atas iaitu menggunakan pendekatan atau teori yang berlainan dengan kajian kes, satu persembahan tradisional berbentuk tradisi lisan yang di namakan Seni Berbari akan di lihat bagi mengemukakan perspektif penyelidikan yang berbeza melalui konteks kajian berbentuk multidisiplin.

Sebenarnya di peringkat kertas cadangan, penyelidikan ini lebih terarah kepada pencarian struktur dan fungsi Seni Berbari sahaja. Namun setelah mengharungi proses pembentangan, soal jawab serta berdasarkan nasihat daripada penyelia serta pakar akademik lain, satu sudut pandangan yang lebih relevan dengan bidang kajian telah di kenalpasti. Tujuannya adalah untuk memberikan satu pandangan baru dan segar, supaya kajian ini tidak di lihat atau di kupas setakat struktur dan fungsinya. Berdasarkan pandangan berkenaan, akhirnya pengkaji dapat mentafsirkan dan meletakkan Seni Berbari sebagai sebuah seni persembahan tradisional yang mengandungi elemen-elemen kekaguman di dalamnya.

² Tajuk-tajuk ini dikemukakan pada bahagian 1.7 Kajian Lepas

Elemen-elemen kekaguman yang terkandung di dalam Seni Berbari ini menjadikan ia sebagai sebuah kesenian tradisional yang istimewa dan unik. Malah keistimewaan Seni Berbari ini dapat di analisis dan di kupas bergantung kepada komponen-komponen "*aspek ritual*" yang turut ada dalam struktur pengajian dan persembahannya. Keunikannya pula terbukti dengan fungsi dan juga tujuan ia di persembahkan kerana (i) ada ketikanya Seni Berbari ini boleh di lakukan atau di persembahkan secara berasingan tanpa melibatkan apa-apa persembahan sampingan, (ii) ada ketikanya kesenian ini boleh di lakukan atau di persembahkan bersama acara/aktiviti/persembahan yang mempunyai kaitan dengan perubatan tradisional seperti Main Peteri, Bageh, Muk Peh dan sebagainya dan (iii) ia juga boleh menjadi satu aktiviti peralihan atau penurunan ilmu daripada Adi Guru (Dalang Tua) terhadap muridnya (Dalang Muda) atau menjadi satu latihan bagi pemain-pemain teater tradisional seperti Makyung atau Menora untuk berlatih memahami penceritaan.

Jelas di sini Seni Berbari ini merupakan satu kesenian yang penting dalam perkembangan budaya masyarakat pantai timur. Kajian ini merupakan satu kajian lapangan di Kampung Gong Manok, Besut, Terengganu dan di Kampung La Loh, Kuala Krai, Kelantan.



Rajah 1.1: Peta kedudukan Besut, Terengganu.
Sumber: Google Maps (2011)



Rajah 1.2: Peta kedudukan Kuala Krai, Kelantan.
Sumber: Google Maps (2011)

Bagi menjelaskan mengapa pengkaji mengatakan bahawa Seni Berbari ini menjadi satu kesenian yang penting dalam perkembangan budaya masyarakat pantai timur terutamanya dalam bidang kesenian, kerana setelah meneliti keseluruhan aktiviti dan kegiatan Seni Berbari maka jelas di dapati kesenian ini menjadi satu kegiatan asas terhadap perjalanan bagi setiap bidang kesenian di

pantai timur terutamanya dalam aktiviti, upacara atau persembahan Main Peteri, Bageh, Mak Yung, Menora dan juga Wayang Kulit.

Pertamanya, sebab Seni Berbari mempunyai perkaitan dengan upacara Bageh³. Bageh adalah salah satu kaedah perubatan tradisional Melayu yang terkenal di Kelantan. Upacara Bageh di lakukan dengan suasana yang ringkas namun penuh dengan aktiviti ritual seperti membacakan jampi, serapah dan doa bagi memulihkan semangat seseorang. Melalui aktiviti ini Tuk Bageh membuka cerita (Berbari) bagi memulihkan pesakit.

Sebab kedua, Seni Berbari mempunyai perkaitan dengan persembahan Main Peteri. Persembahan Main Peteri atau ada yang menamakannya sebagai Main Teri juga merupakan di antara satu kaedah perubatan tradisional Melayu yang kerap di amalkan di Kelantan dan Terengganu. Persembahan ini lebih rumit dan mengambil masa yang panjang berbanding upacara Bageh. Melalui persembahan ini Tok Minduk akan menyoal secara bercerita (Berbari) kepada makhluk halus untuk memastikan punca penyakit atau semangat halus yang meresap ke dalam tubuh pesakit. Kedua-dua aktiviti berBageh dan juga Main Peteri telah wujud pada abad ke-7 atau ke-8 dan terus berkembang sehingga abad ke-14⁴.


³ Amran Kasimin, *Unsur-unsur menurun dalam Persembahan Teater Melayu Tradisional*. m/s 64-65

⁴ Ghulam Sarwar Yousuf, *The Encyclopedia of Malaysia, Performing Arts*. m/s 9

Sebab terakhir, Seni Berbari di jalankan untuk membantu Tok Bageh, Tok Teri, Dalang dan pemain-pemain teater tradisional Makyung serta Menora memahami seterusnya mendalami sesebuah cerita. Malah dengan menguasai Seni Berbari Tok Bageh, Tok Teri, Dalang dan pemain-pemain teater tradisional Makyungserta Menora dapat menyampaikan cerita dengan lancar.

Kini Seni Berbari semakin di lupakan. Hasil kunjungan pengkaji ke Kampung Gong Manok dan Kampung La Loh di dapati faktor yang menyebabkan perubahan minat terhadap Seni Berbari adalah kerana pengaruh sosiologi terhadap ahli-ahli komuniti sekitarnya. Kebanyakkan ahli komuniti terutama generasi muda mulai meninggalkan kampung dengan berhijrah ke tempat lain atas faktor untuk mencari rezeki, berkahwin, melanjutkan pelajaran dan sebagainya. Ini di antara beberapa faktor yang menyebabkan Seni Berbari semakin di lupakan. Bayangkan apabila seseorang meninggalkan kampung, berkahwin bersama pasangan yang berlainan negeri dan akhirnya mempunyai anak serta kehidupan dan persekitaran anak-anak mereka bukan di Kampung Gong Manok atau Kampung La Loh – sudah tentu generasi seterusnya tidak mengenali dan menjiwai Seni Berbari ini. Namun begitu kesenian ini masih dapat di selamatkan supaya terus kekal sebagai sebuah warisan.

Misalnya, di Jangkakan Kampung Gong Manok bakal menjadi sebuah kampung pelancongan. Jangkaan ini berpandukan kedudukan Kampung Gong Manok (*Lihat Rajah 1.3*), di mana kedudukannya berhampiran dengan Kuala Besut dan Pulau Perhentian. Kuala Besut dan Pulau Perhentian telah pun diiktiraf sebagai sebuah kawasan pelancongan oleh kerajaan negeri Terengganu Darul Naim. Oleh itu tidak mustahil Kampung Gong Manok akan menerima tempias pengiktirafan berkenaan. Dengan cara ini Seni Berbari dapat di angkat dan di pertontonkan kepada pelancong sebagaimana apa yang telah berlaku kepada kesenian lain seperti Mak Yung, Wayang Kulit, Dikir Barat dan sebagainya.



Rajah 1.3: Peta kedudukan sempadan Kuala Besut dan Pulau Perhentian
 Sumber: Google Maps (2011)

Kesenian ini juga di harap dapat terus kekal dan berkembang di Kampung La Loh. Melalui beberapa perkembangan dan pembinaan infrastruktur terkini di Kuala Krai, maka seharusnya Seni Berbari di jadikan di antara daya tarikan buat pelancong dalam dan luar negara. Bahkan sebagai kawasan tumpuan, Kuala Krai telah membuktikan beberapa daya tarikan melalui jolokan nama sebagai Negeri Cik Siti Wan Kembang. Sebagai kampung yang mengalami kemodenan, secara langsung komuniti dan budaya kampung itu dianggap berada pada tahap maju⁵.

Penyelidikan terhadap kesenian ini juga mendapati perkembangan Seni Berbari terganggu dengan kemunculan media massa seperti televisyen, filem, kaset, radio, komputer riba, *gadget*, *Ipad*, pita rakaman, video dan pelbagai teknologi. Penggiat/Tok Bari perlu bersaing dengan kemunculan media massa. Jika diperhatikan kemunculan media massa dengan cepat menghakis kesenian ini. Umpamanya pada masa dahulu ibu, bapa dan penjaga bercerita untuk menidurkan kanak-kanak, tetapi kini kanak-kanak lebih tertarik menonton siaran televisyen, menonton di *youtube*, melayari laman sesawang dan sebagainya berbanding mendengar cerita berbentuk lisan. Perubahan berkenaan bukan sahaja sedikit demi sedikit, malah secara derasnya tidak lagi serasi dengan komuniti setempat. Sudah tentu penontonan di alam maya lebih menyeronokkan berbanding menonton persembahan tradisional seperti Mak Yung, Wayang Kulit, Dikir Barat atau

⁵ Wan Abdul Kadir, *Pembangunan Budaya Popular Melayu dan Proses Globalisasi*, m/s 1

mendengar Tok Bari bercerita. Seni Berbari ini perlu di selamatkan, paling tidak pendokumentasian tentang strukturnya perlu di lakukan segera.

Faktor seterusnya adalah kerana perkembangan budaya bandar seperti tempat-tempat hiburan yang didapati meluas merupakan daya tarikan buat komuniti luar bandar. Tempat-tempat seperti taman hiburan dan panggung wayang memberikan implikasi sosial terutamanya di kalangan orang-orang muda. Mereka lebih berminat berkumpul dan bertemu di tempat-tempat yang lebih moden berbanding meluangkan masa di kawasan terpencil sambil mendengar dan melihat Seni Berbari. Sesuatu yang diminati ramai muncul di taman hiburan dan panggung wayang.

Ringkasnya, dengan penegasan konsep serta analisis terhadap ciri-ciri, struktur dan fungsi Seni Bari, dapat memperkenalkan semula Seni Bari sebagai sebuah tradisi lisan. Manakala berlandaskan huraian elemen persembahannya pula, berpotensi meletakkan kesenian ini dalam kerangka sebuah seni persembahan tradisional.

1.2 Skop Kajian

Skop kajian ini ditumpukan ke atas kewujudan persembahan Seni Berbari di dalam aktiviti Main Peteri dan Bageh. Kajian ini juga menumpukan tentang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI F

latar belakang dan membentuk Seni Berbari melalui kupasan tentang elemen-elemen dramatik seperti ruang dan masa persembahan, himpunan cerita, tema, plot, watak, bahasa, muzik dan unsur-unsur kekaguman yang terkandung dalam Seni Berbari.

Pengkaji telah menemui beberapa orang informan di sekitar Kampung Gong Manok, Besut, Kuala Besut Terengganu Darul Iman dan Kampung La Loh, Kuala Krai, Kelantan Darul Naim untuk memperolehi informasi tentang Seni Berbari. Berdasarkan kepada informasi penduduk sekitar kampung berkenaan, kegiatan Seni Berbari ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu (i) Seni Berbari bagi tujuan perubatan serta (ii) Seni Berbari bagi tujuan hiburan.

Seni Berbari bagi tujuan perubatan hanya akan di jalankan sekiranya diperlukan sahaja. Manakala Seni Berbari bagi tujuan hiburan boleh di jalankan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian tempat. Pengkaji lebih tertarik untuk mengangkat Seni Berbari bagi tujuan perubatan berbanding Seni Berbari bagi tujuan hiburan. Ini kerana Seni Berbari bagi tujuan perubatan dapat memperluaskan hasil kajian. Sebagai contoh, pengkaji boleh memperluaskan kajian dengan mengadakan subtopik tentang Seni Berbari bagi tujuan perubatan ke suatu cabang hasil kajian mendalam dengan merungkai unsur-unsur kekaguman yang terkandung di dalam kesenian ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI F

Atas alasan pendokumentasian dan juga faktor komitmen pengkaji dapat merakamkan kesenian ini setelah diperjelaskan secara terperinci matlamat kajian.

Persetujuan oleh kedua-dua penggiat berkenaan menjadikan proses penyelidikan lapangan berjalan lancar. Malah salah seorang penggiat iaitu Pak Da Hem telah mengarahkan kumpulannya untuk membantu memeriahkan pendokumentasian. Sambutan penduduk sekitar sebagai penonton juga amat menggalakkan.

Sepanjang menekuni penyelidikan ini, secara khususnya pengkaji memilih untuk memberikan perhatian terutama tentang penggunaan ejaan dan sebutannya. Oleh kerana komuniti ke dua-dua kampung ini merupakan minoriti Thailand serta mempunyai taburan yang meluas maka perbezaan sebutan dan ejaan mungkin menjadi satu kekeliruan.

Contohnya penggunaan ejaan *standard* adalah Bari tetapi apabila merujuk kepada sebutan penduduk setempat berbunyi *Ba Ghi*. Manakala sesetengah masyarakat di Kg La Loh pula menyebutnya *Bhar Ghi*. Namun begitu maknanya masih menerangkan “Bercerita”. Bagi mengelakkan kecelaruan, pengkaji menggunakan ejaan “Bari”, kerana perkataan ini terdapat di dalam Kamus Dewan.

Dalam usaha seterusnya untuk melicinkankan perjalanan kajian ini, pengkaji membataskan kawasan kajian. Pemilihan kawasan Kampung Gong